

NO. SOALAN: 20

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. ONG KIAN MING

TARIKH : 2 NOVEMBER 2016

RUJUKAN : 9343

SOALAN:

Dr. Ong Kian Ming [Serdang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pendakwaan untuk percubaan bunuh diri di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan dari tahun 2010 hingga sekarang dan sama ada Menteri berpendapat bahawa Seksyen 309 patut dipinda oleh kerana ia tidak berapa berkesan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kejadian mencuba melakukan kesalahan bunuh diri di kalangan penduduk negara ini adalah disebabkan oleh pelbagai faktor seperti masalah kewangan, tekanan jiwa, kecewa dalam percintaan, masalah keluarga dan sebagainya. Perbuatan ini diklasifikasikan sebagai suatu kesalahan di bawah seksyen 309 Kanun Keseksaan. Seksyen 309 Kanun Keseksaan memperuntukkan kesalahan mencuba melakukan kesalahan bunuh diri seperti yang berikut:

“Barang siapa mencuba melakukan kesalahan membunuh diri, dan melakukan apa-apa perbuatan pada melakukan kesalahan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai setahun, atau dengan denda, atau dengan kedua-duanya.”.

Statistik kesalahan mencuba melakukan kesalahan bunuh diri di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan bagi tahun 2010 sehingga September 2016 di seluruh negara adalah seperti yang berikut:

BIL.	NEGERI	TAHUN						
		2010	2011	2012	2013	2014	2015	JAN-SEPT 2016
1.	JOHOR	50	28	19	25	24	28	18
2.	KEDAH	30	27	23	16	16	8	13
3.	KELANTAN	5	7	7	7	10	2	4
4.	KUALA LUMPUR	23	13	23	19	39	29	15
5.	MELAKA	9	3	3	4	2	2	2
6.	NEGERI SEMBILAN	17	11	15	20	18	18	18
7.	PAHANG	19	7	17	11	8	14	6
8.	PERAK	21	14	12	13	15	12	5
9.	PERLIS	6	2	3	4	1	1	4
10.	PULAU PINANG	53	27	26	27	26	20	10
11.	SABAH	8	5	14	8	11	13	7
12.	SARAWAK	52	18	41	25	24	21	22
13.	SELANGOR	30	33	30	17	22	21	16
14.	TERENGGANU	4	2	7	4	2	1	2
JUMLAH		327	197	240	200	218	190	142

Daripada jumlah tersebut, bilangan orang yang didakwa dari tahun 2010 hingga sekarang ialah dua (2) orang sahaja. Kerajaan buat masa ini mendapati hukuman yang diperuntukan bagi kesalahan percubaan bunuh diri di bawah Seksyen 309 Kanun Keseksaan adalah memadai. Kerajaan mengalu-alukan sebarang idea atau cadangan daripada mana-mana pihak untuk meneliti kesesuaian dan keberkesanan peruntukan undang-undang tersebut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI

TARIKH : 2.11.2016

SOALAN : NO. 21

Tuan Budiman bin Mohd. Zohdi [Sungai Besar] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan perkembangan semasa serta impak yang diperolehi oleh pelajar melalui Program Fakulti CEO dengan membawa masuk pemimpin industri sebagai *Adjunct Professors* ke pusat pengajian di bawah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program Fakulti Ketua Pegawai Eksekutif [*Chief Executive Officer (CEO) Faculty Programme (CFP)*] merupakan satu program yang dilaksanakan di bawah Lonjakan 2: Kecemerlangan Bakat, Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi). Sehingga kini, seramai 60 orang CEO yang terdiri daripada pegawai tinggi kerajaan, ketua-ketua pegawai eksekutif syarikat berskala besar milik Kerajaan atau swasta terlibat dalam program ini. Antaranya ialah Ketua Setiausaha Negara, Ketua Setiausaha Kementerian, Ketua Polis Negara dan CEO pelbagai syarikat konglomerat seperti Shell, Samsung, Huawei, Novatis dan CIMB .

Antara keberhasilan dan impak dalam pengajaran dan pembelajaran program CEO Faculty ini adalah:

- i. mahasiswa berpeluang mengikuti program berteraskan model pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan pembelajaran berasaskan teknologi (*technology-enable learning*) yang lebih menarik dan mencabar;
- ii. mahasiswa didedahkan dengan perkongsian pengalaman melalui amalan terbaik yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat konglomerat disamping berkongsi pandangan dengan CEO supaya mahasiswa lebih berfikiran terbuka, kreatif dan inovatif;
- iii. Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dapat menambah baik kurikulum sedia ada melalui pengajaran subjek spesifik secara bersama dengan CEO dan profesor berkaitan yang menjurus ke arah pembelajaran holistik. Ia akan mewujudkan integrasi dan sinergi antara tenaga pakar industri dengan penyelidik universiti dan mahasiswa, seterusnya meningkatkan penyertaan sektor industri; dan
- iv. IPT juga berjaya beralih daripada beroperasi secara bersendirian kepada *quadruple helix* iaitu ekosistem inovasi yang saling berkaitan antara akademia, industri, kerajaan dan komuniti yang telah membentuk perkongsian sumber untuk pembangunan negara. Secara tidak langsung, ini dapat meningkatkan kebolehpasaran graduan dan mengurangkan ketidaksepadanan di dalam penawaran dan permintaan pasaran kerja.

Program ini akan diteruskan dengan penyertaan CEO muda yang berjaya di dalam bidang masing-masing dan dapat memberikan inspirasi kepada mahasiswa untuk menjadi individu yang lebih berjaya pada masa hadapan. Melalui pengenalan program *CEO Faculty* versi 2.0, pensyarah-pensyarah di universiti yang akan ditempatkan di organisasi CEO untuk menimba pengalaman dalam pengurusan syarikat dan mencontohi ciri-ciri kepemimpinan CEO.